

Tambah baik SOP mohon warganegara

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sudah menambah baik prosedur operasi standard (SOP) permohonan kewarganegaraan mengikut Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. +

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainudin, berkata penambahbaikan membabitkan tempoh pemprosesan yang lebih singkat bagi permohonan lengkap yang diterima bermula tahun ini.

“Penambahbaikan SOP itu adalah berdasarkan pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Citizenship Rules 1964 serta mengambil kira pelbagai aspek termasuk kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada,” katanya.